

Utusan 6/12/12 MS 2.

# Mistik Sewang

Upacara Sewang Gelap masyarakat Temiar



Oleh ABD. HALIM HADI

halim.hadi@utusan.com.my

Gambar NOOR ASREKUZAIREY SALIM

**W**ALAU PUN tidak dibenarkan merakam gambar, peluang untuk menyaksikan upacara Sewang Gelap yang dijanjikan oleh masyarakat Temiar di Fort Kemar tidak mungkin dilepaskan.

Ketibaan saya di penempatan Orang Asli di hulu Perak, baru-baru ini disambut mesra oleh sekumpulan penduduk sebelum dijemput ke tempat berlangsungnya upacara tersebut.

Perjalanan menuju ke dewan persembahan yang terletak di puncak bukit pada malam itu tidak begitu memikat kerana perasaan lebih diselubungi seram dan mistik.

Selepas kira-kira setengah jam, saya bersama sembilan orang rakan tiba di dewan persembahan yang dipanggil Balai Sendindol.

Bukan sekadar dewan persembahan, bangsal yang diperbuat daripada buluh dan beratapkan daun bertam itu juga berfungsi sebagai rumah ibadat kepada masyarakat Temiar yang menganuti kepercayaan animisme.

Dalam kesamaran malam yang hanya diterangi cahaya bulan, kelihatan beberapa orang lelaki sedang menunggu ketibaan kami di halaman dewan. Di situ kami diminta memadamkan lampu suluh dan dinasihatkan supaya tidak membuat bising.

Di beranda dewan, seorang demi seorang dipakaikan hiasan kepala yang dianyam daripada daun nipah. Sejangkang bunga yang digubah bersulam dengan daun-daun hutan yang dipanggil tempok turut disua ke tangan kami.

Menurut kepercayaan Temiar, pemakaian tempok adalah sebagai pelindung yang menjauhkan seseorang daripada semangat jahat yang mungkin memasuki badan ketika menyaksikan upacara purba tersebut.

Terdahulu, saya dimaklumkan upacara yang akan dipersembahkan pada malam itu jauh berbeza dengan persembahan sewang yang biasa dimainkan untuk tontonan pelancong.

SEBAHAGIAN daripada masyarakat Temiar yang menghadiri upacara Sewang Gelap. Gambar ini dirakam pada keesokan harinya selepas upacara itu berakhir dengan kebenaran Tok Halaq.

...nahan pelatcong.

Penduduk kampung, **Othman Sending**, 53, berkata, Sewang Gelap jarang disaksikan 'orang luar' kerana hanya dimainkan untuk tujuan perubatan dan upacara-upacara memohon hajat.

"Sewang malam ini adalah sewang sebenar seperti yang diamalkan oleh nenek moyang kami dahulu.

"Upacara ini hanya boleh dimainkan dalam keadaan gelap dan mempunyai banyak pantang larang. Sebab itu anda semua tidak dibenarkan membawa kamera," katanya.

Ketibaan kami di muka pintu dewan itu disambut oleh **Ahmad Itam**, 42, ketua balai yang akan mengepalai sewang. Menurut adat bersewang, ketua balai atau 'Tok Halaq' juga memainkan peranan sebagai dukun yang berkebolehan berkomunikasi dengan pesakit.

Selepas melangkah ke ruang utama, tetamu diminta memenuhi tempat duduk di sebelah kiri dewan yang ketika itu hanya diterangi dua batang lilin.

Dalam kesamaran itu, kelihatan kelibat sekumpulan wanita sedang bersila sambil memegang dua batang buluh di tempat duduk bertentangan tempat duduk kami.

Tidak lama selepas itu, kedengaran suara Tok Halaq berbisik kepada orang

kanannya sebagai isyarat majlis akan bermula. Dalam keheningan malam itu, suara garau seorang lelaki tua tiba-tiba memecah kesunyian dengan laungan dalam bahasa Temiar.

Walaupun tidak memahami apa yang dituturkan, saya sempat 'menangkap' beberapa patah perkataan seperti rahmat, berkat, selamat, hantu dan syaitan yang memberi gambaran bahawa Tok Halaq sedang membaca mantera.

Selepas menyampaikan hajat dan permintaan kepada semangat di hutan, Tok Halaq berdiri lantas memulakan nyanyian yang kemudian disambut oleh suara 'orkestra' perempuan yang cukup merdu.

Serentak dengan itu juga, kumpulan penyanyi wanita atau 'mek' mula menghentak-hentak dua batang buluh pada kayu genalang bagi menghidupkan rentak 'tribal' di dalam dewan sebesar gelanggang badminton itu.

Lagu yang dinyanyikan adalah secara bergilir-gilir antara suara lelaki dan wanita dengan cukup ringkas.

Mengikut kepercayaan Temiar, baris dan rangkap tertentu dalam lagu-lagu sewang dipilih sebagai korus yang berfungsi sebagai pujukan kepada roh



**AHMAD ITAM**



**KUMPULAN penyanyi wanita atau 'mek' yang akan 'menyanyi' di upacara Sewang.**

Utusan 6/12/12 MS 3.

# Simbolik dan pantang larang

MENURUT kepercayaan orang Temiar, upacara sewang bukan sekadar kaedah perubatan tetapi mempunyai pengertian yang cukup penting dalam kehidupan bermasyarakat.

Sewang merupakan simbolik kesepakatan dan keprihatinan antara setiap anggota masyarakat kerana tanpa penglibatan ramai upacara itu tidak dapat disempurnakan.

Penduduk Kampung Bal di Fort Kemar, **Halim Adol**, 48, berkata, selain melambangkan semangat kerjasama antara penduduk, sewang juga mencerminkan struktur masyarakat Temiar yang amat menghormati orang tua.

"Di dalam struktur organisasinya, sewang dikepalai oleh ketua yang sangat dipercayai dan dihormati dalam masyarakat. Bukan sembarangan orang boleh melakukannya.

"Di situ letaknya kunci semangat kerjasama, tolong-menolong dan hormat-menghormati," katanya.

Halim berkata, selain dimainkan untuk merawat pesakit perubatan, sewang juga diadakan pada majlis-majlis penting seperti perkahwinan, perasmian rumah baru, pembukaan kawasan ladang dan upacara doa selamat.

Tambahnya, selain memainkan peranan penting dalam aspek sosial, sewang sebagai satu medium

Salah satu daripadanya adalah adat pemakaian tempok iaitu anyaman daun nipah dan bunga-bunga hutan yang dipakai di kepala, pinggang dan digenggam di tangan.

Beliau berkata, bunga tempok yang wajib dipakai sepanjang upacara sewang berlangsung berfungsi sebagai perlindungan tiga penjurur pada badan seseorang.

"Bunga tempok hanya boleh dibuat oleh mereka yang arif dalam pemilihan jenis-jenis daun dan bunga.

"Sebelum memetik mereka perlu membaca mantera dan meminta kebenaran daripada 'penjaga' supaya apa yang diambil itu diberikan secara ikhlas," katanya.

Jelas Nordin lagi, bunga tempok yang berfungsi sebagai tangkal itu juga tidak boleh dibuang sembarangan selepas tamat upacara sewang kerana dipercayai boleh mengundang kecelakaan.



HALIM ADOL



NORDIN SAGAH



nenek moyang mereka dan semangat di hutan agar hajat yang dipohon diperkenankan.

Pada malam itu, persembahan sewang ditujukan kepada rombongan kami supaya kehadiran dan kepulangan dijauhi daripada gangguan dan perkara tidak diingini.

Di tengah dewan, kumpulan penari lelaki atau 'nyuk' mula menari mengikut rentak alat muzik yang dipanggil 'smer'. Lantai buluh melendut dan meleding dipijak mereka, sesekali bergoyang sehingga ke tempat duduk kami.

Setiap kali berakhirnya rangkap lagu, jambak bunga yang berada di genggam tangan setiap penari dikibas-kibas pada seluruh badan.

Suasana mistik di balai Senindol dihidupkan lagi dengan hiasan daun-daun yang digantung di sekeliling dewan tarian. Meskipun tidak begitu mengetahui fungsinya, aroma daun-daun hutan yang mencucuk hidung itu mungkin menjadi pelindung kami daripada gigitan nyamuk.

Selepas kira-kira sejam, upacara berakhir dengan iringan doa oleh Tok Halaq. Sebelum dibenarkan pulang, para tetamu di bawa ke tengah dewan untuk disiram dengan air perahan pohon tebu hutan.

Titisan air yang mengalir keluar dari batang tumbuhan itu dipercayai mampu memulih dan menyembuhkan seseorang daripada sebarang penyakit disebabkan oleh gangguan semangat jahat.

**Upacara ini hanya boleh dimainkan dalam keadaan gelap dan mempunyai banyak pantang larang. Sebab itu anda semua tidak dibenarkan membawa kamera**



KAUM wanita masyarakat Temiar cukup berpengaruh dalam upacara Sewang.

perubatan juga menggambarkan keakraban hubungan Orang Asli Temiar dengan alam semula jadi.

“Sewang diadakan kerana orang Temiar percaya setiap penyakit berpunca daripada gangguan roh dan gangguan semangat di hutan.

“Sebab itu dukun sewang mempunyai kelebihan untuk berkomunikasi dengan semangat yang masuk ke badan pesakit,” katanya.

Bagaimanapun katanya, kesan daripada pembangunan yang semakin pesat, generasi muda orang asli pada masa kini semakin tidak berminat untuk mewarisi adat turun-temurun itu.

## Pantang-larang

Sementara itu, seorang lagi ketua sewang di kampung tersebut, **Nordin Sagah**, 42, berkata, upacara sewang masyarakat Temiar juga penuh dengan pantang-larang yang harus dipatuhi.

>> BUNGA tempok yang didakwa berfungsi sebagai ‘pelindung’ kepada tubuh.

